

## **Pembangunan Psiko-Pendidikan Karakter: Analisis Teori Psikologi Barat dan Islam**

*Psycho-Educational Character Development: An Analysis of Western and Islamic Psychological Theories*

**Sakinah Salleh<sup>1</sup> & Alwi Mohd Yunus<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Moral, Sivik dan Pembangunan Karakter, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

<sup>2</sup>Faculty of Information Management, Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Email: [sakinah.salleh@fsk.upsi.edu.my](mailto:sakinah.salleh@fsk.upsi.edu.my)

**Published:** 23 December 2021

**To cite this article (APA):** Salleh, S., & Mohd Yunus, A. (2021). Psycho-Educational Character Development: An Analysis of Western and Islamic Psychological Theories. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 13(2), 22-32. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.2.3.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.2.3.2021>

### **Abstrak**

Artikel ini bertujuan menganalisis perbandingan antara teori psikologi Barat dan teori Islam yang boleh diterapkan dalam pembangunan psiko-pendidikan karakter anak-anak. Karakter amat berkait dengan aspek perilaku, sikap, cara dan kualiti diri yang ada pada seseorang individu. Kajian lepas telah menunjukkan bahawa pembangunan psiko-pendidikan karakter sangat penting dalam pembentukan watak dan tingkah laku individu. Oleh kerana pendekatan psiko-pendidikan karakter banyak merujuk kepada teori dan konsep Barat, justeru dengan menambahkan pendekatan Islam dalam pembangunan psiko-pendidikan karakter, ini dapat melengkapkan serta menambah baik kerangka sedia ada dengan konsep-konsep yang merujuk kepada al-Quran dan as-Sunnah sebagai suatu sumber yang relevan. Kertas konsep ini bertujuan untuk menganalisis konsep pembangunan psiko-pendidikan karakter teori Psikologi Barat dan Islam. Kaedah pengumpulan data adalah dengan rujukan sumber melalui kajian perpustakaan. Berdasarkan analisis kajian, terdapat perpezaan pendekatan dalam teori psikologi Psikologi Barat dengan Islam di mana pendekatan dalam Islam berpandukan kepada Al Quran dan Al Sunnah. Namun begitu terdapat persamaan dalam konteks nilai-nilai universal yang diterapkan dalam teori Barat dan Islam. Justeru nilai universal ini boleh diaplikasikan secara bersepadu dan seimbang dalam pembangunan psiko-pendidikan karakter bagi memastikan anak-anak terdidik dengan karakter yang baik dan terpuji.

**Kata kunci:** Psiko-pendidikan, teori psikologi Barat, pendidikan karakter, psikologi Islam, nilai universal.

### **Abstract**

*The article aims to analyse the comparison between the Western theory of psychology and Islamic theory of psychology that can be applied in the development of psycho-character education of children. Character is very much related to attitude, behavioural aspect, and self-quality of an individual. Previous studies have shown that the development of psycho-character education is crucial in the development of individual's attitude and behaviour. However, the inclination toward the Western's theory and psychological concept of psycho-character education and spiritual values requires a re-evaluation which suits the concept of psycho-character education based on al-Quran and as-Sunnah as the relevant sources. This concept paper is meant to analyze the development of psycho-character education of dualistic views: Western and Islam. The method of data collection through descriptive analysis of literature review was used related to the subject matter. Based on the analysis, there are differences of approaches between Western and Islamic theories of psycho-character education. Thus, there is common universal values based on the two school of thoughts. Such universal values can be integrated and applied in the psycho-character education to ensure that children are educated with good admirable character.*

**Keywords:** *Psycho-education, Western psychological theory, character education, Islamic psychology, universal values.*

## Pengenalan

Pendidikan di Malaysia merupakan salah satu usaha yang dilakukan secara berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Ini jelas menunjukkan bahawa pendidikan adalah satu proses penerapan ilmu dan adab ke dalam diri seseorang. Hal ini dapat dibuktikan bahawa pendidikan bukan hanya untuk menghasilkan warganegara dan pekerja yang baik, malah untuk membentuk manusia seimbang dari semua aspek. Ini satu indikator yang menunjukkan bahawa pendidikan amat penting dalam membina karakter individu terhadap pengajaran nilai-nilai moral dan mengurus kehidupan yang terhasil daripada interaksi manusia dengan persekitarannya. Berdasarkan hal ini, pendidikan memberikan impak yang besar pada setiap individu kerana pengalaman, ilmu dan maklumat yang diterima secara berstruktur akan membentuk fizikal dan tingkah laku manusia serta mempengaruhi cara seseorang individu berfikir dan bertindak mengikut sistem nilai dalam masyarakat. Oleh itu, jika dilihat dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia, ia amat menekankan aspek-aspek nilai. Ini jelas tertera dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu:

*“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah perkembangan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, bertanggungjawab dan keupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”*

## Pernyataan Masalah

Pembangunan psiko-pendidikan karakter adalah pendidikan sepanjang hayat sebagai satu proses perkembangan manusia yang bermatlamat melahirkan insan yang sempurna. Ia bertujuan untuk membentuk sikap positif, berdisiplin, mempunyai kesedaran, kesefahaman, berkeyakinan diri, bermoral dan beretika serta bersahsiah mulia dalam kalangan pelajar. Ini selaras dengan usaha melahirkan pelajar yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial. Namun, persoalan penting timbul untuk mengintegrasikan sistem pendidikan dualistik (falsafah pendidikan Psikologi Barat dan Islam) yang dilihat bertentangan dari segi nilai dan falsafah dalam membangunkan insan yang cemerlang dan seimbang. Terdapat pandangan dari sarjana Islam menyatakan bahawa syarat untuk memastikan individu menjadi cemerlang di dunia dan akhirat adalah kembali kepada al-Quran dan as-Sunnah. Malangnya, pandangan para sarjana Islam mengenai pendidikan Islam telah diabaikan kerana penguasaan unsur psikologi Barat dan idea moden (Sakinah & Rahimah, 2017). Apa yang diharapkan masih kabur kerana pelbagai isu dan dilema yang berlaku seperti pengaruh media massa dan rakan sebaya menyebabkan pelajar kurang berminat dalam pelajaran dan kurang mempunyai disiplin diri dalam pembelajaran (Abdul Jalil et. al., 2017). Menurut Abdul Jalil et. al. (2017), kebanyakan kajian memberi tumpuan terhadap pengaruh daripada tindak balas sekeliling yang berbentuk fizikal berbanding dimensi spiritual. Berdasarkan ini, terdapat keperluan untuk mengkaji pandangan dan sumbangan sarjana Islam sebelumnya dan tidak hanya menumpukan kepada pandangan Psikologi Barat semata dalam menambah baik kualiti pembangunan pendidikan karakter bagi meningkatkan keberhasilan pelajar dan kecemerlangan institusi pendidikan.

## Pendidikan Karakter di Malaysia

Malaysia mempunyai masyarakat berbilang kaum dan pelbagai budaya. Ia merupakan cabaran besar kerana wujudnya pelbagai budaya yang rencam dengan sistem nilai yang berbeza-beza. Justeru, satu solusi yang dapat menyeimbangkan semua nilai dan membentuk karakter amat diperlukan untuk menangani isu-isu yang ada. Melalui pendidikan karakter, pelajar dapat diberi pendedahan untuk lebih bersikap positif, berdisiplin, mempunyai kesedaran, kesefahaman, berkeyakinan diri, bermoral dan

beretika serta bersahsiah mulia dalam kalangan pelajar. Ini selaras dengan usaha melahirkan pelajar yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial. Jika tiada penerapan elemen nilai, etika dan sahsiah dalam pembelajaran untuk membentuk insan yang seimbang, masyarakat akan menjadi huru hara dan nilai moral semakin pudar dalam diri pelajar (Zakaria et. al., 1996).

Justeru, pendidikan karakter yang positif dan nilai murni dapat diterapkan oleh guru pada setiap pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana pendidikan abad ke-21 yang menuju ke arah Revolusi Industri 4.0 tidak hanya bertujuan melahirkan pelajar yang mahir tetapi juga pelajar yang berdisiplin dan berdaya maju yang mampu bersaing di peringkat global. Untuk menangani setiap isu dengan berkesan, adalah penting untuk menyusun kaedah dan pendekatan seimbang dalam mempromosikan pendidikan karakter yang bersifat sejagat dan bersepadu dalam pengajaran dan pembelajaran. Contohnya kepercayaan, penghormatan, perpaduan, pemahaman, membantu satu sama lain dan sebagainya (Downey & Kelly, 1986). Perdebatan tentang bagaimana nilai-nilai perlu diajar juga masih menjadi isu yang dibincangkan dengan hangat (MacElroy, 2003). Namun, hakikat yang tidak boleh dinafikan, pendidikan karakter menyumbang kepada pembangunan watak yang kuat.

Jika diperhalusi, pendidikan karakter ini membawa misi yang hampir sama dengan Pendidikan Islam mahupun Pendidikan Moral. Dalam konteks pendidikan karakter ia lebih menjurus kepada pembangunan sistem nilai individu yang melibatkan pengetahuan, kesedaran individu, tekad dan kemahuan melakukan perbuatan baik untuk agama, diri sendiri, keluarga, bangsa, negara bahkan persekitaran. Pada dasarnya, pembangunan psiko pendidikan karakter bertujuan untuk meningkatkan mutu penyelenggaraan dan hasil pendidikan yang mengarah pada pencapaian pembentukan karakter terpuji atau sahsiah mulia para pelajar secara seimbang dan bersesuaian dengan pencapaian yang dicapai. Melalui pendekatan psiko-pendidikan karakter, para pelajar seharusnya mampu meningkatkan dan menggunakan pengetahuannya, mengkaji dan menganalisis serta mengadaptasi nilai-nilai karakter yang ada dengan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Pendekatan ini tidak hanya menekankan kecerdasan fikiran tetapi juga kecerdasan emosi agar pelajar dapat mengharungi halangan dan rintangan yang mendatang. Oleh itu, artikel ini bertujuan menganalisis pendekatan pembangunan psiko-pendidikan karakter teori psikologi Barat dan teori Islam. Ini kerana terdapat beberapa halangan yang perlu ditangani dalam proses membangunkan karakter pelajar yang holistik, bagi memastikan ia boleh direalisasikan dengan jayanya. Oleh itu terdapat keperluan bagi artikel ini untuk memfokuskan perbincangan kepada keseimbangan antara fizikal, intelek, emosi dan spiritual dalam pembangunan karakter secara holistik.

## Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep pembangunan psiko-pendidikan karakter daripada teori psikologi Barat dan teori Islam. Kertas konsep ini menggunakan kaedah pengumpulan data dengan rujukan sumber melalui penelitian perpustakaan dengan melakukan analisis dokumen terhadap kajian-kajian lepas. Penelitian bahan dokumen dilakukan berdasarkan kajian yang diperoleh daripada jurnal, buku dan artikel ilmiah. Sumber rujukan yang dipilih adalah tulisan pelopor bidang psikologi Barat seperti Carl (1951), Piaget (1965) dan ramai lagi. Manakala sudut perspektif Islam, sumber dirujuk ialah karya Al-Ghazali (1962) dan lain-lain.

## Konsep Karakter Menurut Perspektif Psikologi Barat dan Islam

Karakter merujuk kepada sifat dan perwatakan, tingkah laku positif atau nilai-nilai, seperti kebenaran dan keadilan (MacElroy, 2003). Menurut Lickona (1993), karakter mulia (*good character*) meliputi pengetahuan tentang kebaikan yang mewujudkan komitmen (niat) terhadap kebaikan dan akhirnya benar-benar melakukan kebaikan. Dengan kata lain, karakter mengarah kepada pengetahuan (*cognitive*), sikap (*attitude*), dan motivasi (*motivation*), serta perilaku (*behavior*) dan keterampilan (*skill*). Pendidikan karakter, menurut Lickona (1993) mengandungi tiga unsur utama iaitu mengetahui kebaikan (*knowing the good*), mencintai kebaikan (*desiring the good*) dan melakukan kebaikan (*doing the good*). Pendidikan karakter tidak hanya sekadar mengajar mana yang benar dan mana yang salah kepada anak-anak tetapi perlu kepada pembinaan karakter yang baik agar menjadi satu kebiasaan (*habituation*)

tentang kebaikan sehingga seorang individu tersebut faham, mampu merasakan kebaikan tersebut dan terdorong untuk melakukannya.

Menurut Likona (1993), karakter yang baik (*good character*) merangkumi pengetahuan tentang kebaikan yang mewujudkan komitmen atau niat terhadap kebaikan yang menghasilkan kebaikan pada awal dan akhirnya. Berkowitz (2012) menekankan bahawa pembangunan psiko-pendidikan karakter perlu mempunyai beberapa ciri karakter iaitu; menghormati diri, orang lain dan dunia di mana kita hidup; tanggungjawab; orientasi ke arah dan keupayaan untuk keadilan atau keadilan; kebimbangan terhadap kebajikan orang lain; komitmen kepada kejujuran dan ketelusan tujuan; dan dedikasi kepada demokrasi dalam politik dan kehidupan seharian. Ini selaras dengan pandangan yang dikemukakan oleh Lickona (1993), di mana pendidikan karakter perlu menitik beratkan karakter baik yang harus dikembangkan. Manakala ciri khas dalam pendidikan karakter ialah *moral knowing* atau pengetahuan tentang moral (Lickona, 2004).

Konsep karakter dalam Islam pula, sebagaimana pandangan Al Ghazali dan Al Miskawiyh bahawa karakter yang baik akan sentiasa mensucikan jiwa mereka dari anasir-anasir yang buruk. Ini kerana menurut Ibnu Sina, semua ciri moral, baik dan buruk adalah diperolehi dari manusia dengan cara berubah dan menyesuaikan diri mengikut pengaruh persekitaran dan sistem pendidikannya (Sakinah & Rahimah, 2017). Berdasarkan pandangan ini, dapat difahami bahawa jika individu sudah terbiasa melakukan kejahatan maka dia akan cenderung menjadi jahat, manakala jika terbiasa dengan kebaikan, maka dia akan menjadi baik. Karakter juga merujuk nilai moral, sikap, perilaku dan budi pekerti yang membezakan seseorang dengan yang lain. Individu yang berkarakter baik atau unggul adalah seorang yang berusaha untuk melakukan hal-hal yang baik yang menjurus kepada perkara berkaitan dengan dirinya sendiri, keluarga, bangsa, negara dan suruhan Tuhan serta dikaitkan dengan kesedaran emosi dan motivasinya (perasaan) (Mohamad Khairi & Asmawati, 2010).

Semua ini menjelaskan bahawa karakter dalam Islam amat berkait dengan aspek perilaku, sikap, cara dan kualiti diri yang ada pada seseorang individu. Oleh itu, konsep pendidikan karakter di dalam Islam merupakan satu pendekatan yang mementingkan keperibadian individu berasaskan keimanan di mana Islam bukan sekadar hanya melakukan pemindahan ilmu semata-mata, malah Islam memastikan agar keseluruhan elemen yang wujud sedari akal, fizikal, rohani, spiritual yang memastikan hubungan sesama manusia dan alam adalah untuk mencapai makrifat (mengenal) Allah (Siti Atiyah et. al., 2019).


## **Teori Karakter Psikologi Barat dan Teori Islam**

### **Teori Humanistik**

Carl Rogers dalam teori Humanistik menekankan tentang kepentingan memahami diri sendiri dan diri orang lain melalui '*self disclosure*', maklum balas, dan sensitiviti terhadap pendedahan diri orang lain (Abu Bakar, 2002). Individu akan mengenali karakter diri sendiri sekali gus belajar memahami karakter orang-orang sekeliling. Ini bermakna karakter individu yang mahu berjaya amat berkait rapat dengan pembawaan dirinya. Sebagai contoh, individu berjaya dikatakan mempunyai karakter yang hebat hingga mampu menjadi suri teladan atau *role model* kepada orang sekelilingnya. Oleh itu, bagi membangunkan karakter individu yang berjaya, maka individu itu perlu memahami dan mengenali terlebih dahulu tentang dirinya sendiri. Apabila individu mengenali diri maka dia akan dapat membangunkan potensi diri yang ada dan membina identiti yang dimahukan mengikut impiannya dalam hidup. Teori Rogers ini selari dengan teori Hierarki Keperluan Maslow (1968) di mana, menurut Maslow (1968), keperluan fisiologi dianggap sebagai motivasi paling asas yang membina karakter individu. Apabila keperluan asas ini dipenuhi, keperluan yang lebih tinggi muncul sebagai motivasi utama tingkah laku (Sakinah, 2018). Berdasarkan teori Maslow ini, apabila keperluan individu dipenuhi ia akan dapat mencapai kepuasan sendiri.

## Teori Ekologi

Menurut teori Ekologi yang dipelopori oleh Bronfenrenner (1986) menyatakan bahawa karakter kanak-kanak terhasil dari interaksi mereka dengan orang sekelilingnya. akan memberi kesan kepada perkembangan diri mereka. Menurut Bronfenrenner (1986), perkembangan setiap individu baik dari segi fizikal atau sosial adalah berbeza berdasarkan lima sistem yang digariskan oleh teori Ekologi dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak atau seseorang individu. Lima sistem tersebut ialah Mikrosistem (Microsystem), Mesosistem (Mesosystem), Ekosistem (Exosystem), Makrosistem (Macrosystem) dan Kronosistem (Chronosystem) (rujuk gambar rajah 1).



Rajah 1: Teori Ekologi oleh Bronfenbrenner  
Sumber: Mujahidah (2015)

## Teori Behaviourisme

Menurut teori Behaviourisme pula, semua tingkah laku adalah dipelajari dari persekitaran melalui penyesuaian. Teori Pembelajaran Sosial yang dipelopori oleh Bandura (1997) menyatakan bahawa kanak-kanak belajar dengan meniru (*imitation*). Ibu bapa adalah model bagi perbuatan dan perlakuan baik atau buruk yang berupaya untuk diikuti oleh kanak-kanak. Kanak-kanak akan memperhatikan setiap kelakuan dan tingkah laku orang yang signifikan dalam hidup mereka seperti ibu bapa, guru, artis, rakan sebaya, ahli politik dan sebagainya (McLeod, 2016). Pemerhatian kanak-kanak bukan hanya kepada tingkahlaku orang sekeliling tetapi dalam masa yang sama mereka akan meniru perbuatan tersebut, yang boleh difahami sebagai *modelling* atau dikenali juga sebagai imitasi kelakuan.

## Teori Kognitif

Teori Pembangunan Kognitif oleh Piaget (1965) menunjukkan bahawa pembangunan karakter kanak-kanak bergerak melalui empat peringkat perkembangan mental. Teori beliau tidak hanya memfokuskan bagaimana individu memperoleh pengetahuan, tetapi juga memahami sifat kecerdasan. Piaget berpandangan kecerdasan adalah sesuatu yang tumbuh dan berkembang melalui beberapa tahap (Crain, 1985). Piaget percaya bahawa kanak-kanak berperanan aktif dalam proses pembelajaran, bertindak

melakukan eksperimen, membuat pemerhatian, dan belajar tentang dunia mereka. Apabila kanak-kanak berinteraksi dengan dunia di sekeliling mereka, mereka akan terus menambah pengetahuan baru, membina pengetahuan yang ada, serta menyesuaikan idea sebelum ini untuk menampung maklumat baru (Crain, 1985). Manakala, menurut teori Perkembangan Moral oleh Kohlberg pula, individu berkembang melalui tiga peringkat pemikiran moral yang membina perkembangan kognitif mereka (Crain, 1985). Kohlberg mengembangkan hasil teori kognitif Jean Piaget untuk menjelaskan perkembangan moral kanak-kanak (Siegel, 1980). Kohlberg percaya bahawa perkembangan moral, sama seperti pembangunan kognitif, yang ada beberapa peringkat. Dilema moral oleh Kohlberg adalah dilema "Heinz", yang membincangkan idea bagi mematuhi undang-undang berbanding menyelamatkan nyawa (Siegel, 1980). Beliau menggunakan idea cerita-cerita dilema-moral yang membentangkan idea-idea yang bercanggah tentang dua nilai moral untuk mengajar kanak-kanak lelaki berumur 10 hingga 16 tahun tentang moral dan nilai-nilai.

## Teori Islam

Al-Ghazali (2007) mendefinisikan karakter sebagai keadaan jiwa yang mantap. Individu yang memiliki jiwa yang mantap adalah individu yang mengetahui ilmu jiwa. Melalui ilmu ini, individu akan dapat mengenali ketidaksempurnaan rohaninya. Berdasarkan ini, untuk memastikan individu memperolehi karakter yang baik, maka seseorang harus memahami dan mengetahui tentang ilmu jiwa. Menurut Al-Ghazali (2007), karakter yang baik dapat dicapai dengan adanya komponen karakter (*al-khuluk*) iaitu; tindakan, kekuatan, pengetahuan dan keadaan jiwa. Al Ghazali (1962) telah membahaskan dalam bukunya *Ihya' Ulum al-Din*, bahawa terdapat empat unsur utama struktur manusia yang membentuk tingkah laku, iaitu *al-qalb*, *al-ruh*, *al-aql* dan *al-nafs*.

Psiko Pendidikan karakter menurut Al-Ghazali adalah bertujuan mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Bagi memperolehi kebahagiaan, individu mampu mencapainya melalui dua cara iaitu pengetahuan dan perbuatan. Perbuatan yang terbaik adalah mengikut Nabi S.A.W yang dipanggil *husn al-khuluq* (watak yang baik). Pendidikan karakter, menurut Al-Ghazali (2007) perlu bermula pada zaman kanak-kanak kerana ini adalah peringkat paling kritikal untuk pembentukan dan pembangunan karakter individu di mana beliau memberikan lima kategori utama bagi membangunkan karakter individu iaitu: (a) disiplin diri; (b) penyempurnaan diri; (c) mengajar watak yang baik; (d) mengelakkan sahabat buruk; dan (e) pencegahan daripada gaya kehidupan mewah.

Menurut Ibn Miskawayh (dalam Maghfiroh, 2016) pula, psiko-pendidikan karakter itu terbentuk dan dibentuk melalui pendidikan dan pembelajaran dan melalui perhubungan dengan orang-orang yang baik dan mulia. Beliau menolak pandangan yang menggambarkan karakter sebagai sifat yang tidak boleh berubah kerana hakikatnya karakter amat ditentukan oleh persekitaran dan alam semula jadi. Menurut pandangan Ibn Miskawayh, akhlak merupakan teras dalam konsep pendidikan dan pembentukan karakter (Maghfiroh, 2016). Teori Kebahagiaan Jiwa, menurut Ibn Miskawayh terkandung dalam empat komponen utama iaitu kebijaksanaan (*al-hikmat*), kemuliaan (*al-'iffat*), keberanian (*al-syaja'at*) dan keadilan (*al-'adalat*). Komponen-komponen tersebut juga menjadi teras dalam konsep pendidikan dan pembentukan yang hampir sama sepertimana digariskan oleh Al-Ghazali (Ansari, 1964). Menurut Ansari (1964), pembentukan karakter mengikut pandangan Ibn Miskawayh adalah berdasarkan asuhan dan keadaan semulajadi individu dibesarkan. Asuhan ini melibatkan latihan, pendidikan, pembelajaran dan pergaulan. Manakala semulajadi pula terdiri dari perangai atau sikap semulajadi. Berdasarkan perspektif yang dibincangkan di atas menunjukkan bahawa ahli psikologi Islam telah menggabungkan dalil-dalil naqli (*al-Quran* dan *as-Sunnah*) dan dalil aqli dalam pembangunan psiko-pendidikan karakter individu.

## Pembangunan Psiko-Pendidikan Karakter Berdasarkan Teori Psikologi Barat dan Islam

Pembentukan karakter individu merupakan satu proses dari awal kelahiran hingga menuju dewasa. Apabila psiko-pendidikan karakter dapat dibangunkan, kesannya dapat dilihat melalui tingkah laku sosial, pembinaan sikap dan moral serta melalui amalan dan tindakan dalam kalangan pelajar. Oleh itu pembangunan psiko-pendidikan karakter memerlukan asas yang kukuh sejak dari awal perkembangan

kanak-kanak. Sebagai contoh, pendidikan awal kanak-kanak dalam Islam berkait rapat dengan aplikasi teori psikologi yang dibangunkan oleh sarjana psikologi Barat. Lickona (1993) menyatakan bahawa pendidikan mempunyai dua matlamat besar, iaitu untuk membantu orang menjadi pintar dan membantu mereka menjadi baik. Ia seperti kebajikan, ketabahan, ketekunan keadilan dan etika kerja. Penggunaan terminologi pendidikan karakter telah diperkenalkan oleh Thomas Lickona dalam buku yang bertajuk *The Return of Character Education* dan kemudian diikuti dengan bukunya yang berjudul *Educating for Character; How Our School Can Teach Respect and Responsibility*. Pembangunan psiko pendidikan Karakter, menurut Lickona (1993) perlu mengandungi tiga unsur iaitu mengetahui kebaikan (*knowing the good*), mencintai kebaikan (*desiring the good*) dan melakukan kebaikan (*doing the good*).

Pembangunan psiko-pendidikan karakter tidak hanya sekadar mengajar mana yang benar dan mana yang salah kepada anak-anak tetapi ianya lebih daripada itu iaitu dengan menanam karakter yang baik menjadi satu kebiasaan (*habituation*) tentang nilai baik sehingga seorang individu tersebut faham, mampu merasakan dan terdorong untuk melakukan kebaikan. Berdasarkan ini, karakter sangat berkait rapat dengan tabiat dan watak, akhlak atau budi pekerti yang membezakan seseorang individu dengan individu yang lain. Selain kebiasaan, persekitaran juga memainkan peranan dalam pembangunan psiko-pendidikan anak-anak. Berdasarkan konsep teori ekologi oleh Bronfrenbrenner (1986), menjelaskan bahawa proses pembangunan psiko-pendidikan karakter sangat berkait rapat dengan pendidikan yang diberikan oleh keluarga atau ibu bapa semasa anak-anak dalam peringkat atau fasa-fasa perkembangan (Munjiyat, 2018). Sekiranya ibu bapa atau individu yang lebih dewasa tidak memberikan teguran akan kelakuan yang tidak baik, maka mereka akan mengulangi kelakuan yang sama sehingga ia menjadi satu kebiasaan (Ali et al., 2019). Pandangan teori ini terdapat persamaan dalam sudut pandang teori Islam yang telah meletakkan proses pendidikan dan pembangunan karakter individu perlu bermula semenjak dari alam janin lagi. Oleh kerana anak-anak dilahirkan di dalam keadaan fitrah dan mengikut acuan, tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik dan mentarbiah jiwa anak-anak. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: “*Tidak ada seorang anak yang dilahirkan kecuali di dalam keadaan fitrah, maka ibu-bapanyalah yang mencorakkannya menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi*”. (Sahih Bukhari, dalam Manahij al-Muhaddithin, 2016).

Hadis ini menjelaskan tentang peranan ibu bapa dalam mencorakkan anak-anak. Jelaslah bahawa pendidikan nilai yang dibentuk oleh ibu bapa atau keluarga mempunyai pengaruh serta impak yang besar ke atas tingkah laku kanak-kanak. Ibu bapa berperanan besar dalam menyemai kesedaran, cara berfikir dan keyakinan serta menerapkan nilai akhlak, sahsiah dan etika anak-anak melalui asuhan dan didikan yang terbaik. Dalam konteks ini, ibu bapa adalah model yang berperanan menunjukkan disiplin diri terbaik agar dapat diteladani oleh anak-anak (Ulwan, 1981). Pandangan ini selari dengan teori psikologi Barat yang juga menekankan konsep belajar melalui pemerhatian sebagaimana teori pembelajaran sosial oleh Bandura (1997). Anak-anak akan memerhatikan dan akan meniru aksi ibu bapa, baik perkara yang baik mahu pun yang buruk.

Berbanding teori psikologi Barat, teori Islam juga meletakkan pola asuhan dan didikan ibu bapa sebagai kaedah yang utama dalam membentuk karakter anak-anak (Ulwan, 1981). Menurut sarjana Islam iaitu Ibnu Sina, pembangunan karakter dapat diaplikasikan, maka pendidikan mestilah diberikan perhatian dari segi kurikulum di usia kanak-kanak sehingga remaja (Sakinah & Rahimah, 2017). Ini bagi menentukan hala tuju dan kerjaya mereka berdasarkan minat, bakat dan bidang yang diceburi mengikut perkembangan psikologi mereka. Ibnu Sina juga berpandangan bahawa bermula dari usia kanak-kanak, mereka perlulah mula mempelajari al-Quran serta mengenali huruf ejaan dan menghafal syair melalui perpatah lalu qasidah (Sakinah & Rahimah, 2017). Ini kerana, ketika diusia kanak-kanak, mereka perlu didedahkan dengan ilmu agama supaya mereka dapat melakukan segala perintah dan meninggalkan larangan yang diperintah oleh Allah S.W.T. Pandangan Ibnu Sina ini selari dengan pandangan ahli falsafah terkenal iaitu Aristotle yang menyatakan bahawa pengetahuan yang terbaik adalah kepada isi kandungannya yang perlu bersifat universal, pengetahuan yang dapat diberikan penjelasan dan ramalan, serta bukan sekadar pengumpulan fakta (Zuberi, 1992).

Ahli psikologi Barat melihat karakter sebagai satu ciri psikologi yang memotivasi dan membolehkan seseorang berfungsi sebagai agen moral, bagi melaksanakan strategi mendapatkan pengetahuan dan kecemerlangan intelektual, dan menjadi ahli masyarakat yang berkesan. Menurut Carl

Rogers (dalam Abu Bakar, 2002), keperibadian individu didorong oleh keinginannya mencapai potensi diri, ia sangat berkait dengan konsep diri. Penghargaan sendiri akan dapat diperoleh apabila individu mengetahui dengan jelas matlamat sebenar yang mahu dicapai. Justeru, bagi membangunkan karakter, individu perlu memfokuskan kepada bagaimana mereka melihat kepada diri sendiri. Pandangan teori psikologi Barat dan Islam dalam konteks ini amat berkait rapat kerana Islam menekankan kepada keperluan individu berkeperibadian baik dan terpuji. Bagi individu yang melakukan kebaikan akan memperoleh ganjaran dan begitulah sebaliknya. Pembangunan karakter individu berdasarkan motivasi dalaman diri mahu melakukan kebaikan dan mengajak orang lain melakukan kebaikan yang sama. Dalam hal ini, pendekatan teori Islam jelas meletakkan nilai baik dan buruk mestilah mengikut segala yang telah ditentukan oleh syariat Allah. Selain motivasi dalaman, pembangunan karakter juga sering dipengaruhi oleh luaran contohnya kepelbagaian budaya yang ada di sekelilingnya. Pengaruh persekitaran dan budaya yang ada disekeliling memberi impak pada individu. Ini bertepatan dengan apa yang dikemukakan oleh Bronfrenbrenner (1986) dalam teori ekologi yang dipelopori beliau.

Pandangan dari sudut teori Islam, pembangunan karakter individu juga dipengaruhi oleh keadaan persekitaran di mana Islam meletakkan pembangunan psiko-pendidikan karakter pada landasan yang kukuh apabila Nabi Muhammad SAW sebagai “*uswatun hasanah*” iaitu contoh teladan yang baik daripada percakapan, perwatakan, amalan serta imej yang baik daripada Nabi Muhammad SAW sebagai rasul ikutan. Ini telah terbukti melalui sirah apabila Nabi Muhammad SAW dapat melembutkan karakter sahabat yang berubah apabila mereka masuk Islam dengan melihat bagaimana karakter Nabi Muhammad SAW. Ini jelas menunjukkan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah ikon yang memainkan peranan utama dalam menonjolkan perwatakan tingkah laku serta sikap yang baik dalam segenap segi, dan ia wajar dicontohi. Nabi Muhammad SAW telah mempamerkan nilai-nilai akhlak dan sahsiah terpuji yang menjadi ikutan sehingga ke hari ini. Justeru, proses penerapan nilai amat penting dalam pembangunan psiko-pendidikan karakter yang berlaku melalui pendidikan secara langsung mahupun tidak langsung.

Pembangunan psiko-pendidikan karakter yang berlandaskan nilai universal juga adalah satu pendekatan bagi mencapai keseimbangan pengembangan keperibadian dan watak individu tanpa mengira bangsa dan etnik. Justeru, melalui nilai-nilai universal yang diterap akan dapat membentuk tingkah laku, cara fikir, daya tindak individu serta mampu mencorakkan norma kebudayaan masyarakat. Menurut Sumari et al. (2020), konteks budaya memainkan peranan dengan kaedah yang digunakan bagi menghasilkan data yang dapat memperkaya dan melihat kepentingan memahami sesuatu masalah. Oleh itu, pembangunan psiko-pendidikan karakter memerlukan perspektif atau pandangan yang jelas mengenai pelaksanaannya kerana perkembangan peribadi dan perwatakan individu akan lebih selaras dengan wujudnya hubungan positif sesama manusia (Sakinah et al., 2020). Ini dapat diwujudkan melalui konsep teori psikologi Barat dan teori Islam di mana karakter yang ada pada individu terdapat nilai-nilai karakter atau watak berdasarkan budaya bangsa yang bersifat universal seperti kejujuran, toleransi, tolong menolong, hormat-menghormati, disiplin, kerja keras, kreatif, berdikari, demokratik, semangat kebangsaan, cinta akan negara, persahabatan. atau mencintai keamanan dan kedamaian, penjagaan alam sekitar, kebajikan sosial, dan tanggungjawab. Semua ini boleh diterapkan dalam diri setiap anak-anak agar dapat memastikan mereka mempunyai nilai-nilai murni dan mengamalkan amalan yang baik dan mulia.


Perkembangan psikologi telah mengenali unsur keagamaan sebagai salah satu pendekatan yang menyumbang kepada perkembangan individu. Dimensi agama bertindak secara universal dalam membentuk sikap dan membimbing tingkah laku ke arah kehidupan bermoral dan beretika. Peranan agama sangat signifikan dan penting dalam pendidikan karakter kerana ia memberi impak dalam pembangunan karakter individu (Munjiyat, 2018). Elemen agama telah menunjukkan pengaruh dalam membangunkan watak untuk memupuk sikap. Selain wujudnya persamaan, pembangunan psiko-pendidikan karakter psikologi Barat mempunyai perbezaan daripada segi teori dan pendekatan psiko-pendidikan karakter dalam Islam yang berpegang dan berasaskan kepada al-Quran dan as-Sunnah (rujuk Rajah 2: Kerangka Konsep Pembangunan Psiko Pendidikan Karakter Teori Islam). Pendidikan karakter dalam Islam meletakkan perkataan *Rabb al-Alamin* sebagai apa yang mendasari pendidikan apabila Nabi Muhammad SAW bersabda “*Addabani Rabbi Fa Ahsana Taadibi*”. Allah SWT mendidik jiwa manusia



melalui mukjizat al-Quran sebagai panduan yang paling sempurna kepada manusia. Pendidikan yang beracukan pendidikan Islam merupakan proses pendidikan dalam pembentukan anak-anak dari segi emosi dan akhlak berlandaskan acuan al-Quran dan as-Sunnah (Langgulung, 1987).

Dalam konteks pembangunan psiko-pendidikan karakter, teori Islam menekankan faktor dalam dan luaran individu, di mana terdapat keseimbangan antara kesemua komponen seperti hati (*al-qalb*), rohani (*al-ruh*), intelek (*al-aql*), dan jiwa (*al-nafs*). Penekanan yang diberi secara seimbang terhadap kesemua komponen dalam membina asas karakter individu akan menghalang pengaruh yang tidak baik daripada luaran iaitu persekitaran atau sikap dan perangai negatif yang ada dalam diri. Ini menjelaskan bahawa aspek kerohanian amat diberi penekanan berbanding aspek fizikal. Keperluan hidup menjurus kepada bertujuan mencari keredhaan Tuhan, ini berbeza dengan teori psikologi Barat, sebagai contoh Maslow telah mengemukakan teori '*Hierarchy of Needs*' atau teori Hierarki Keperluan yang menekankan kepada kehendak dalam membangunkan karakter individu. Teori ini meletakkan keperluan individu apabila dipenuhi akan membentuk karakter dirinya. Oleh itu dapat difahami bahawa pembangunan karakter individu amat berkait rapat dengan kehendak dan keperluannya dalam kehidupan (Sakinah, 2018).

Yusuf al-Qardawi dalam kitabnya *Al-Khasais Al-'Ammah lil Islam* telah mengemukakan tujuh nilai-nilai pendidikan karakter iaitu: Ar-Rabbaniyyah, Al-Insaniyyah, As-Syumul, Al Wasathiah, Al-Waqi'iyah, Al-Wuduh, dan Al-Jam'u Baina As-Sabat Wal-Murunah. Nilai ini juga merupakan ciri-ciri pendidikan karakter menurut konsep Yusuf al-Qardawi (Samsirin, 2017). Nilai yang diketengahkan berdasarkan konsep pendidikan Yusuf al-Qardhawi ialah bertujuan menjadi manusia yang baik dalam hubungannya dengan Allah dan hubungannya dengan manusia. Segala perbuatan akan terjelma dalam kehidupan seharian dengan penyuburan nilai-nilai, melalui cara beribadah dengan menjadikannya sebagai satu rutin kebiasaan seperti menjalankan kewajipan atau melakukan kebaikan. Pandangan Yusuf al-Qardhawi menjelaskan nilai-nilai psiko-pendidikan karakter perlu dilaksanakan secara bersepadu bagi memastikan anak-anak terdidik dengan karakter yang baik dan sempurna.



Rajah 2: Kerangka Konsep Pembangunan Pendidikan Karakter Teori Islam

## Kesimpulan

Oleh kerana kebanyakan pendekatan psiko-pendidikan karakter banyak merujuk kepada teori dan konsep ahli psikologi Barat, maka dengan menambahkan perspektif Islam dalam pembangunan psiko-pendidikan karakter ia akan dapat melengkap, menyempurna, memperbaiki, memperbetul dan memberi kerangka acuan bagi konsep-konsep yang sedia ada dengan merujuk kepada al-Quran dan as-Sunnah sebagai suatu sumber yang relevan dan tidak akan berubah atau boleh diubah walaupun berlaku peredaran masa dan zaman. Jelaslah bahawa teori Islam dalam pendidikan karakter menekankan proses pendidikan berterusan yang menitikberatkan bukan hanya pembangunan intelek, namun mengutamakan pendidikan rohani. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pendidikan karakter berdasarkan teori Islam mampu menjadi alternatif dalam proses pembangunan pendidikan karakter yang mengandungi nilai spiritual, moral dan didikan bersesuaian dengan fitrah semulajadi manusia. Nilai-nilai murni berasaskan al-Quran dan as-Sunnah yang diterapkan kepada anak-anak perlu bermula dari awal perkembangan kehidupan. Oleh itu, pendidikan karakter teori Islam mampu menjadi teras dalam membangunkan sikap mental individu, cara berfikir, keinsafan diri, ketahanan perjuangan dan kefahaman tentang hala tuju realiti sezaman yang pantas berubah. Manakala pendekatan pendidikan karakter berasaskan teori psikologi Barat dan Islam yang berasaskan nilai-nilai sejagat atau universal perlu diterapkan secara bersepadu dan seimbang. Ini bagi menjamin pembangunan proses pendidikan karakter dapat membawa kepada perubahan akhlak dan sahsiah anak-anak sekali gus mereka akan terdidik dengan karakter yang baik dan seimbang serta cemerlang.

## Rujukan

- Abdul Jalil, S. J., Md Yusoff, Y., & Ismail, R. (2017). Pembinaan konsep sendiri dari perspektif psikologi Barat dan Islam. *Journal of Usuluddin*, 45(1), 1–26.
- Abu Bakar, A. (2002). *Psikologi personaliti individu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali. (1962). *The book of knowledge*. (N. A. Faris, Trans.) Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.
- Al-Ghazali. (2007). *The alchemy of happiness*. (C. Field, Trans.) Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Ali, S.A, Ismail, S., & Aisyah, N. (2019). Psikologi pembangunan kanak-kanak: Perkaitan antara psikologi pendidikan Barat dan psikologi pendidikan Islam. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 4 (1).
- Ansari, M.A.H. (1964). *The ethical philosophy of Miskawiyh*. India: Aligarth Muslim University.
- Bandura, A. (1997). *Social learning theory*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Berkowitz, M.W. (2012). *Understanding effective character education*. The Center for Spiritual and Ethical Education.
- Bronfenbrenner, U. (1986). Ecology of the family as a context for human development Research perspectives. *Developmental Psychology*, 22 (6).
- Carl, R. (1951). *Client-centered therapy: Its current practice, implications, and theory*. Boston: Houghton Mifflin Co.
- Crain, W. C. (1985). Kohlberg's stages of moral development. <https://childlit232.files.wordpress.com/2010/02/kohlbergs-six-stages.pdf>.
- Downey, M., & Kelly, A.V. (1986). *Personal, social and moral education*. London: Harper Education Series.
- Langgulung, H. (1987). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lickona, T. (1993). The return of character education. *Educational Leadership: Journal of the Association for Supervision and Curriculum Development*, 52(3), 6-11.
- Lickona, T. (2004). *Character matters*. New York: Simon and Schuster.
- MacElroy, M. (2003). Educating for character: Teaching values in the college environment. *The Vermont Connection*, 24(3).
- Maghfiroh, M. (2016). Pendidikan akhlak menurut kitab Tahzib Al-Akhlaq karya Ibnu Miskawaih. *Tadris Jurnal Pendidikan Islam*, 11(2), 206.
- Manahij al-Muhaddithin. (2016). Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Maslow, A. H. (1968). *Toward a psychological of being (2nd ed.)*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- McLeod, S. A. (2016). Bandura social learning theory. [www.simplypsychology.org/bandura.html](http://www.simplypsychology.org/bandura.html).

- Mohamad Khairi, O., & Asmawati, S. (2010) Peranan sekolah dan GUN dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: Satu sorotan. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 11,117-130.
- Mujahidah. (2015). Implementasi teori ekologi Bronfenbrenner dalam membangun pendidikan karakter yang berkualitas. *Lentera*, *IXX* (2).
- Munjiyat, S.M. (2018). Peran agama Islam dalam pembentukan pendidikan karakter usia remaja. *Al-Tarbawi Al-Haditsah: Jurnal Pendidikan Islam*, 3(1).
- Piaget, J. (1965). *The moral judgement of the child*. New York: The Free Press.
- Sakinah, S. (2018). A comparative analysis on Maslow's hierarchy of needs from an Islamic perspective. *4th International Conference on Islamiyyat Studies 2018*, 18th - 19th September 2018. Tenera Hotel. Bandar Baru Bangi.Selangor.
- Sakinah, S. (2018). Integrating Islamic education in multiracial and multicultural society. *eProsiding: ICIRKED 2018*. Persidangan Antarabangsa Pendidikan Islam Ilmu Wahyu.
- Sakinah, S., & Rahimah, E. (2017). Educational views of Ibnu Sina. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(1), 13-24.
- Sakinah, S., Mohd. Y.A., Che Noh, M. A. (2020). Character education framework for multiracial society in Malaysia. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 2(8), 4035-4041.
- Samsirin, S. (2017). Nilai-nilai pendidikan karakter menurut konsep Yusuf Qardawi. *Educan: Jurnal Pendidikan Islam*, 1(1).
- Siegal, M. (1980). Kohlberg versus Piaget: To what extent has one theory eclipsed the other? *Merrill-Palmer Quarterly of Behavior and Development*, 26(4), 285-297.
- Siti Atiyah, A., Samhani, I., Nurfaizatul Aisyah., & Abdul Rahman, O. (2019). Psikologi pembangunan kanak-kanak: Perkaitan antara psikologi pendidikan Barat dan psikologi pendidikan Islam. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 4(1), 14-23.
- Sumari, M., Baharudin, D.F., Ahmad Tharbe, I.H., A.Razak, N.A & Md Khalid, N. (2021). Family dynamics and delinquency: Understanding the experience of female adolescents with their families. *Journal of Criminal Psychology*, Ahead-of-print.
- Ulwan, A.N. (1981). *Tarbiyyah al-Awlad Fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Salam.
- Zakaria, K., Abdul Rahman, M. A., Abdul Majid, M. I., Rabil, H. M. (1996). *Penerapan nilai murni merentas kurikulum: Satu tinjauan*. Selangor: Laporan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia.
- Zuberi, M. H. (1992). *Aristotle 384-322 B.C. and al-Ghazali 1058-1111 A.D*. Delhi: Noor Publishing House.